



UNIVERSITI
MALAYSIA
PERLIS

UCAPTAMA TAHUNAN NAIB CANSOLOR 2019



MENGIMBANGI TEKNOLOGI
DAN KEMANUSIAAN

19 Februari 2019

Dewan Ilmu

Kampus Alam UniMAP, Pauh Putra

ILMU • KEIKHLASAN • KECEMERLANGAN


www.unimap.edu.my

PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS 2018



EXCELLENT



Sasaran KPM  Mencapai Sasaran  Pencapaian Melebihi Separuh / 60% 



Ucapan Tahunan
Naib Canselor
2019





**MENGIMBANGI TEKNOLOGI
DAN KEMANUSIAAN**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam Ilmu Keikhlasan Kecemerlangan
Timbalan-timbalan Naib Canselor, Ketua-ketua Jabatan,
Wakil Media,
Para Jemputan,
Dan seluruh warga UniMAP yang saya hormati.

1. Kita berkumpul hari ini untuk dua tujuan utama – pertama, untuk melihat pencapaian kita pada tahun 2018; dan kedua, untuk sama-sama bersatu hati menjalani tahun 2019 dengan hasrat dan hala tuju yang sama, dalam konteks persekitaran sosio-ekonomi masa kini. Sebelum itu, saya ingin mengajak kita semua mengimbuai perjalanan UniMAP selama hampir 17 tahun, serta impak UniMAP kepada sosio-ekonomi Perlis dan sekitarnya bagi tahun 2018.
2. Kita semua berterima kasih kepada pengurusan tertinggi KUKUM dan UniMAP, dan kepada semua warga perintis UniMAP. Kejayaan kita sehingga ini tidak datang bergolek, tetapi Alhamdulillah kita merasai hasilnya sekarang, berkat usaha dan kerjasama semua. Kita juga melihat akan impak UniMAP kepada sosio-ekonomi negeri Perlis, dan negara amnya untuk tahun 2018. Itu hanya baru setahun. Bayangkan impaknya selama 17 tahun ini!
3. Alhamdulillah, tahun 2018 kita akhiri dengan berita baik pencapaian UniMAP berdasarkan pengukuran antarabangsa QS. Pertama sekali, UniMAP telah berjaya memperoleh penarafan lima bintang dalam Sistem Penarafan QS, suatu peningkatan daripada tiga bintang yang kita perolehi pada tahun 2016. UniMAP telah diberi lima bintang masing-masing untuk pembelajaran – pengajaran, kebolehpasaran siswazah, kemudahan, dan keterangkuman. Empat bintang pula diberi kepada kriteria pengantarabangsaan dan kekuatan bidang pengajian, manakala tiga bintang diperolehi dalam penyelidikan dan sastera dan kebudayaan. Tahniah saya ucapkan kepada semua warga yang telah sama-sama berusaha mendapatkan kecemerlangan ini.

4. Pada masa yang sama, UniMAP juga telah berjaya melompat 20 anak tangga dalam QS *Asian University Rankings 2019*, meletakkan universiti pada tangga 201 universiti terbaik Asia.
5. Bagi disiplin Kejuruteraan dan Teknologi pula, UniMAP diiktiraf sebagai 450 universiti terbaik di dunia, di mana kita telah mendapat skor yang tinggi bagi 17 subjek utama dalam disiplin ini. Pada hemat saya, dengan kedudukan sebegini, hasrat UniMAP untuk berada pada tahap 'Top 500' dunia sudah tercapai. Tahniah semua!
6. Terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kepada semua Ketua Jabatan dan warga UniMAP yang telah bertungkus-lumus dalam memastikan pencapaian UniMAP yang membanggakan. Perkara yang perlu kita kejar sekarang ialah kecemerlangan. Kita tiada pilihan kecuali untuk **cemerlang sebagai sebuah institusi akademik dan penyelidikan yang diamanahkan untuk menghasilkan insan kamil bagi memenuhi agenda pembangunan dan daya saing industri negara**. Apabila kecemerlangan yang kita kejar, taraf mahu pun kedudukan yang tinggi akan datang dengan sendiri, InsyaAllah.
7. Sebelum saya meneruskan ucapan, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada En Zuber Hj Mohamad, mantan Pendaftar UniMAP yang telah bersara wajib pada 15 Februari 2019; juga ucapan Selamat Bersara!
8. Juga ingatan kita semua kepada keluarga staf yang telah kembali ke rahmatullah:
 - En Wan Hasrul Amir Bin Mohd Nor (Artis Budaya Kontrak) yang meninggal dunia pada 29/06/2018;
 - En Zamzuri Bin Zain (Pembantu Kemahiran - Tetap) yang meninggal dunia pada 06/08/2018;
 - En Mohd Aizat Bin Abd Rane (Penolong Jurutera - Kontrak) meninggal dunia pada 27/10/2018; dan
 - En Osman Bin Ahmad (Pegawai Tadbir - Tetap) yang meninggal dunia pada 21/12/2018.

Semoga roh mereka dicucuri rahmat Allah hendaknya.



Saudara-saudari sekalian,

9. Untuk melihat pencapaian UniMAP bagi 2018, saya akan menjelaskan dahulu prestasi *KPI Headlines*, iaitu KPI yang ditetapkan oleh KPM bagi UniMAP, diikuti pencapaian bagi tahun pertama Fasa 1 Pelan UniMAP2025.
10. Bagi *KPI Headlines*, tujuh (7) KPI utama dan sasaran telah ditetapkan untuk semua universiti awam. Bagi KPI kebolehpasaran graduan pada tahun konvokesyen, kita telah mencapai 81% berbanding sasaran 80% yang ditetapkan. Alhamdulillah.
11. Bagi nisbah penerbitan dalam jurnal dan prosiding berindeks bagi setiap staf akademik, kita mencapai 1.5, berbanding sasaran 1.3 yang ditetapkan, dengan jumlah penerbitan sebanyak 1,411. Sementara itu, nisbah kumulatif sitasi per staf akademik ialah 20.9 berbanding sasaran 11.
12. Bagi penjana pendapatan, UniMAP telah berjaya menjana 17.94% daripada jumlah perbelanjaan mengurus, berbanding 15% yang telah ditetapkan. Wang yang dijana sendiri ini memberi ruang yang lebih luas untuk pelaksanaan aktiviti yang memanfaatkan universiti. Saya kagum akan hal ini kerana ia menunjukkan kesungguhan kita untuk sama-sama menyumbang kepada universiti.
13. Tahun 2018 menyaksikan UniMAP sedikit terkebelakang dalam aspek bilangan pelajar antarabangsa. 903 orang pelajar berada dalam enrolmen UniMAP, berbanding 1100 yang ditetapkan, dan daripada bilangan keseluruhan tersebut, hanya 400 orang pelajar pascasiswazah, berbanding 410 yang disasarkan. Kita perlu melihat kembali secara serius punca kemerosotan ini, selain mengukuhkan usaha-usaha promosi pada peringkat antarabangsa.
14. Peratus pelajar yang berjaya menamatkan pengajian dalam masa yang ditetapkan (iGoT) di universiti melepasi sasaran yang ditetapkan, iaitu 86% pada pengajian peringkat sarjana muda. Walau bagaimanapun, trend yang sama seperti tahun lepas dapat dilihat untuk pengajian peringkat sarjana, iaitu hanya 29.5% berbanding sasaran 50%; dan hanya 29.2% pada pengajian peringkat PhD, berbanding sasaran 40%. Punca kepada kekurangan ini perlu diselidiki dan diuruskan dengan bijak supaya peningkatan dapat dilihat pada tahun-tahun akan datang. Faktor ini penting kerana ia adalah salah satu 'selling-point' untuk menarik lebih ramai pelajar mendaftar untuk pengajian pasca-siswazah.
15. KPM juga telah menetapkan kadar keciciran kurang daripada 7% bagi pengajian sarjana muda, dan masing-masing kurang daripada 19% bagi pengajian peringkat sarjana dan PhD. Alhamdulillah, UniMAP melepasi semua kadar ini dengan cemerlang, iaitu hanya 3.1% dan 1.9% masing-masing bagi peringkat sarjana muda dan sarjana, malahan 0% pada peringkat PhD. Dari segi pembangunan bakat, kita melihat peningkatan dalam pelajar PhD bergraduasi, iaitu sebanyak 42%.

16. Untuk makluman semua, dalam amanat YBM baru-baru ini, kita telah dimaklumkan bahawa berlandaskan prinsip autonomi, mulai tahun ini universiti akan menetapkan KPI masing-masing. Dalam hal ini, kita akan masih memantau pencapaian universiti dalam aspek-aspek teras seperti mana dalam *KPI Headlines* yang telah saya perincikan sekejap tadi.
17. Selain pencapaian bagi *KPI Headlines*, kita juga bergerak atas landasan Pelan UniMAP2025. Saudara-saudari boleh melihat dan meneliti sendiri pencapaian KPI UniMAP2025 bagi sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2018 melalui pautan URL yang akan dihebahkan di skrin selepas majlis ini. Perkara yang ingin saya kongsi sekarang melangkaui statistik dalam jadual tersebut, iaitu beberapa *Big Wins* bagi 2018. Saya akan perelaskan pencapaian utama setiap satu kluster dalam Pelan UniMAP2025.

Saudara-saudari,

18. Bagi kluster Pengajaran Berpaksikan Inovasi, tahun 2018 menyaksikan penjenamaan semula beberapa program melalui penggabungan dan penjumudan program, yang dicetuskan oleh keperluan untuk UniMAP kekal relevan kepada industri masa kini. Alhamdulillah tindakan ini telah menyaksikan penerimaan yang baik dalam kalangan umum – terdapat peningkatan jumlah kemasukan bagi program-program pengajian yang terlibat dalam penjenamaan semula tersebut.
19. Keutuhan program pengajian UniMAP terbukti apabila 16 program telah diakreditasi, di mana tiga program iaitu program Kejuruteraan Rangkaian Komputer, Kejuruteraan Perhubungan dan Kejuruteraan Rekabentuk Produk berjaya mendapat akreditasi selama enam tahun. Sementara itu, 12 program telah pun menjalani proses akreditasi dan insya-Allah semua program tersebut dijangka mendapat akreditasi selama enam tahun juga. Tahniah kepada semua Dekan dan Ketua Jabatan serta pasukan masing-masing, yang berusaha bersungguh-sungguh sehingga kejayaan ini dicapai.
20. Keyakinan industri terhadap UniMAP ketara melalui sumbangan peralatan dan teknologi untuk tujuan pembelajaran. Antaranya ialah sumbangan kewangan tahunan bernilai RM6000 untuk aktiviti *Integrated Design Project* dan juga *Final Year Project* daripada Funfiek Technology Sdn. Bhd kepada PPK Pembuatan serta pengwujudan makmal industri *Center of Competence Green Design Manufacture*, sumbangan *switch gear* daripada Toray di PPK Sistem Elektrik, dua buah mesin Laser daripada Osram kepada PPK Mikroelektronik, *Solidification Solder Test Equipment* daripada Nihon Superior kepada PPK Bahan, *Maker's Space* daripada MCMC untuk PPK Komputer, dan banyak lagi yang tidak dapat saya sebutkan semuanya di sini. Kita juga berjaya meningkatkan kerjasama dengan industri tempatan pada tahun 2018 dengan memeterai 23 MOA, di mana 10 daripadanya ialah dalam kalangan MNC.

21. Keyakinan terhadap UniMAP daripada pihak kerajaan juga tidak kurang hebatnya. PPK Mikroelektronik telah dilantik oleh Jabatan Pendidikan Tinggi untuk mengetuai projek EDA Tools Floating License. Perisian *VLSI Design (Cadence, Synopsys, Mentor Graphics)* yang memenuhi piawaian industri ditempatkan secara berpusat di UniMAP untuk digunapakai dengan 16 universiti awam yang lain. UniMAP menerima RM1.2 juta daripada MIMOS untuk pembiayaan projek ini, yang juga termasuk dana khas daripada KPM sebanyak RM150,000. Projek ini juga mendapat sokongan pihak MIDA dan CREST, dalam usaha meningkatkan bilangan graduan yang mempunyai kemahiran *VLSI Design* untuk menampung keperluan industri negara.
22. Salah satu usaha inovasi dalam pengajaran-pembelajaran ialah perluasan akses pengajian tinggi kepada mereka yang sedang bekerja melalui penawaran program yang dilaksanakan secara fleksibel. Kita telah memulakan penawaran dua program secara *flexi-time* iaitu program Kejuruteraan Elektrik dan Kejuruteraan Elektronik. Kedua-dua program kerjasama dengan MARA tersebut yang dijalankan di Kampus Pauh dan Anjung Kulim telah bermula pada September 2018 melibatkan 66 orang pelajar. Kerjasama program akademik lain dengan pihak luar termasuklah dengan PSDC, REGENT, SPECTRUM, JMJI, Kolej FELCRA.
23. Inovasi pengajaran-pembelajaran berasaskan teknologi telah digiatkan melalui penawaran 756 kursus secara *blended* dan 11 kursus secara MOOC. Kursus TITAS dan Hubungan Etnik, sementara itu, menggunakan MOOC sepenuhnya. Kita juga telah mewujudkan Ruang Pembelajaran Interaktif di PPK Mikroelektronik dan PPK Pembuatan bagi menjayakan lagi konsep pembelajaran seperti ini. Kita berharap kepelbagaian dalam pendekatan pengajaran-pembelajaran akan memantapkan kualiti program UniMAP.
24. UniMAP juga telah terpilih untuk dinilai sebagai Universiti yang mempunyai taraf swa-akreditasi oleh MQA. Setakat ini universiti yang mendapat taraf swa-akreditasi adalah Universiti Penyelidikan serta UUM, IIUM dan UiTM.
25. Bagi kluster Penyelidikan Translational pula, UniMAP telah berjaya meningkatkan penjana pendapatan melalui penubuhan tiga syarikat *start-up*. Kejayaan dalam kluster ini juga melibatkan kerjasama dengan industri melalui penerimaan peralatan penyelidikan melebihi nilai RM3 juta. Antara penyumbangnyalah Walta Engineering yang melebihi RM1 juta. Selain itu, pengiktirafan antarabangsa dalam aspek ini dapat dilihat melalui pemerolehan geran penyelidikan di mana penyelidik UniMAP telah mendapat geran berjumlah melebihi RM800,000 daripada *Newton Institutional Links Grants*.
26. Tahun 2018 mencatat sejarah sebagai tahun pertama keseluruhan proses pilihan raya kampus dikendalikan oleh para pelajar sendiri. Tahnik saya ucapkan kepada pasukan petugas pelajar. Saya harap ini adalah satu permulaan kepada pelbagai aktiviti lain yang akan digalas tanggungjawab sepenuhnya oleh pelajar, dalam usaha memantapkan pelajar melalui pembelajaran berasaskan pengalaman sebenar.

27. Pelbagai aktiviti dan inisiatif telah dilaksanakan untuk memastikan pelajar mempunyai ilmu yang mantap dalam bidang dan kemahiran insaniah yang memainkan peranan penting dalam alam pekerjaan. Peluang terlibat dalam bidang keusahawanan juga didedahkan. Antaranya ialah program *Gig Economy @ UniMAP2018*. Seramai 637 orang pelajar tahun 1 dan 2 telah mengambil bahagian dalam program ini. Satu laman web dan aplikasi maya *HireMe* telah dibangunkan, sebagai pelantar rasmi pelajar untuk aktiviti 'freelancing' mereka.
28. Seramai 1300 orang pelajar terlibat dalam aktiviti sukarelawan di dalam dan luar negara pada tahun 2018, satu peningkatan dari tahun-tahun sebelum ini. Adalah diharapkan bilangan penyertaan akan terus meningkat, terutama mengambil kira nilai tambah yang diperolehi melalui aktiviti kemanusiaan seperti ini.
29. Selain itu, pendedahan kepada aspek rentas-budaya memberi peluang kepada pelajar melihat dunia daripada perspektif baharu, sekaligus memperluaskan jaringan profesional dan peribadi mereka yang amat berguna apabila mereka berada dalam dunia pekerjaan kelak. 2018 telah melihat peningkatan bilangan pelajar yang terlibat dalam program mobiliti - Lapan (8) program *mobiliti inbound* melibatkan 69 orang pelajar universiti luar negara, sementara 18 program *mobiliti outbound* diikuti oleh 111 pelajar UniMAP ke program-program yang dianjurkan oleh universiti luar negara.
30. Keterlihatan UniMAP juga menonjol di mana seramai 242 orang pelajar kita telah memenangi pelbagai anugerah pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa seperti dalam bidang Inovasi seramai 136 orang, sukan seramai 62 orang dan kebudayaan seramai 44 orang. Pencapaian mereka ini amatlah membanggakan dan telah mengharumkan nama UniMAP.



Saudara-saudari yang saya hormati,

31. Kejayaan pelaksanaan inisiatif dan aktiviti ke arah kecemerlangan universiti sememangnya bergantung kepada sumber kewangan, sama ada yang disalurkan dari pihak berwajib mahupun yang dijana sendiri oleh universiti. Penciptaan kekayaan ialah salah satu daripada kluster Pelan UniMAP 2025. Kita perlu jelas bahawa usaha ke arah ini bukan bertujuan untuk menjadikan kita kaya sebab kita mahu kaya, tetapi atas pemahaman bahawa wang yang dijana akan boleh digunakan untuk memperkasakan universiti dalam pelbagai aspek kecemerlangan pengajian tinggi.
32. Saya kira pemahaman ini jelas memandangkan tahun 2018 telah melihat semua PTj sama-sama bertungkus-lumus menjalankan aktiviti untuk menjana kewangan melalui fasilitasi *One Stop Centre (OSC)*, yang keseluruhannya berjumlah hampir RM1.9 juta.
33. Sementara itu, melalui wakaf dan endowmen, kita telah berjaya mendapatkan sejumlah sekitar RM1.7 juta, termasuk wakaf tunai, wakaf untuk mesin penapis air, dan wakaf untuk pembangunan masjid dan kompleks Pusat Islam; sementara tabung endowmen yang berkenaan ialah Tabung endowmen *Trust Fund BSN*, dan Tabung Endowmen Keusahawanan Pelajar. UniMAP juga telah menerima hadiah universiti bernilai RM3.3 juta, dan dana keusahawanan untuk Program Keusahawanan Pelajar sejumlah RM212 ribu.
34. Selain sumber kewangan, pengupayaan pembangunan universiti juga melibatkan sumber manusia. Bagi staf akademik, selaras dengan keperluan semasa, pembangunan kerjaya berlangsung dengan giatnya melalui program mobiliti, persidangan, latihan pemantapan pengajaran, kolaborasi penyelidikan dan sebagainya. Juga selaras dengan keperluan badan akreditasi, UniMAP telah berjaya meningkatkan bilangan staf yang berstatus profesional (PEng, CEng, TS dll) sebanyak 20% iaitu melibatkan 179 staf berstatus profesional.
35. Bagi staf bukan-akademik pula, data berkaitan kompetensi staf juga telah dikumpulkan, dan sehubungan itu, set kompetensi telah dibangunkan berdasarkan keperluan universiti dan padanan dengan tugas hakiki. Juga telah dikenal pasti ialah bidang kritikal (iaitu berdasarkan keperluan universiti) untuk tujuan program sangkutan.
36. Dalam usaha pemantapan infrastruktur, Alhamdulillah, tiga buah projek besar UniMAP telah berjaya disiapkan pada 2018 dengan kos keseluruhan berjumlah RM21 juta, iaitu Projek Reservoir 1.5MGD pada Mac 2018, projek Bangunan HEPA pada September 2018, dan projek Bangunan ICT pada Disember 2018. Penyiapan ketiga-tiga projek ini, insya-Allah, akan menyumbang kepada peningkatan kualiti perkhidmatan di UniMAP.

37. Penjimatan sumber tenaga telah menjadi salah satu pencapaian ketara pada tahun 2018, melibatkan hampir RM560 ribu. Penjimatan tersebut, antara lain, ialah daripada pelaksanaan projek Solar melibatkan 1,300,000 KWh, pertukaran lampu konvensional kepada lampu jimat tenaga jenis LED, diskaun daripada TNB Tariff C1 OPTR, pelarasan operasi *start up chiller*, penyelenggaraan berkala bagi pendingin hawa sepusat, dan operasi pendingin hawa yang diselaraskan.
38. Aspek lestari mula mendapat perhatian yang lebih pada tahun 2018, dan agenda ini akan terus digiatkan pada tahun ini dan tahun-tahun mendatang. Garis panduan kampus lestari telahpun dikeluarkan, dan beberapa pelaksanaan utama telahpun berkuatkuasa seperti pengharaman polisterin dan penyedut minuman plastik. Aktiviti pengumpulan sisa elektronik (*e-waste*) sudah mula dijalankan dengan penyiapan lokasi *e-waste*. Dalam hal ini terutamanya, saya mohon supaya dalam menjalani kehidupan seharian, kita saling ingat-mengingati akan Ayat 60 dari Surah al-Baqarah:

"Makanlah dan minumlah kamu dari rezeki Allah itu, dan janganlah kamu merebakkan bencana kerosakan di muka bumi".

39. Infostruktur memainkan peranan yang amat penting dalam agenda IR4.0, memandangkan ia berkait rapat dengan segala proses teras universiti mahupun proses sokongan. Seiring dengan kepentingan tersebut, UniMAP sentiasa berusaha untuk meningkatkan keupayaan keterhubungan (*connectivity*) internet supaya capaian kepada pangkalan data dan jaringan profesionalisme dapat diakses. Untuk tujuan itu, 2018 telah menyaksikan pelaksanaan 3Gbps Internet di Kampus Pauh dan 1Gbps di kampus Uniciti. Insya-Allah, kita akan terus mengusahakan peningkatan infostruktur walaupun hal ini bukanlah sesuatu yang mudah.

Saudara-saudari sekalian,

40. Bagi tahun 2019, agenda nasional Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia PPPM (PT) 2015-2025 akan terus diusahakan bersama-sama dengan Pelan UniMAP2025. Pada tahun ini, dan bagi tahun-tahun yang akan datang, saya yakin bahawa agenda IR4.0 akan terus mendominasi segala pertimbangan agenda pembangunan negara, dan UniMAP tidak akan terkecuali dari itu. Walau bagaimanapun, pada masa yang sama, saya fikir adalah penting untuk kita memainkan peranan utama sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang bukan sahaja melahirkan bakat untuk pembangunan negara tetapi sebagai seorang insan.
41. Justeru, tahun ini kita memberi fokus bukan sahaja kepada pembangunan selari dengan perkembangan teknologi, malah juga kepada aspek manusia dan kemanusiaan – terutama dalam konteks besar Pelan UniMAP2025, yang berfokus kepada "**Ke Arah Pembangunan Bersama**". Paksi tindakan kita tahun ini ialah "**Mengimbangi Teknologi dan Kemanusiaan**".

42. Kita mahukan **kampus yang bersifat SMART** – di mana peranti, peralatan, aplikasi, perkhidmatan, infrastruktur dan pengguna semuanya terhubung, untuk mencetus pengalaman baharu dan pengalaman perkhidmatan yang efisien dan efektif. Keperluan untuk membangunkan sebuah kampus yang mempunyai ciri SMART adalah selari dengan kemajuan pantas teknologi dan 'sifat' pemegang taruh pengajian tinggi yang majoritinya terdiri daripada golongan milenial. Unsur-unsur SMART perlu diusahakan untuk wujud dalam persekitaran dan prosedur serta proses akademik dan penyelidikan, dan dalam konteks operasi universiti supaya semua kerja adalah yang terbaik yang boleh kita hasilkan.
43. Dalam tahun 2018, banyak aspek SMART telah pun dilaksanakan, seperti dalam kaedah pembelajaran-pengajaran di mana *blended learning* dan makmal interaktif digunakan, dalam aspek penyelidikan dan inovasi, serta dalam hal-hal pembangunan seperti penggunaan sistem GPS dalam pemantauan 46 unit bas kontrak melalui usahasama dengan CEASTECH.
44. Dari segi proses kerja pula, kita juga telah mewujudkan *Academic Mobile Apps* yang berjaya mengintegrasikan *eLearning* untuk memudahkan pengajaran dan pembelajaran. Aplikasi ini juga dapat menjimatkan kos sebanyak RM100,000 dari segi cetakan buku panduan akademik. Inisiatif ini juga selari dengan matlamat kampus lestari UniMAP. Insya-Allah pada tahun ini, kita akan melancarkan *Academic Mobile Apps Versi 2* yang lebih menarik, interaktif dan berwajah baharu. Selain itu, sistem dokumentasi manual telah diubah kepada sistem maklumat akademik secara digital bagi borang penawaran kursus dan sebagainya.
45. Tahun 2019 ialah tahun di mana kita memperkasakan lagi peranan yang boleh dimainkan oleh kemajuan teknologi dalam usaha menjadikan UniMAP sebagai *SMART Campus*. Usaha ini akan melibatkan aspek sistem, perkhidmatan, infrastruktur dan kelestarian – marilah kita sama-sama melihat aspirasi *Smart Campus* UniMAP.
46. Kesemua inisiatif yang dilihat dalam video tadi akan dimula dan diperkasakan mulai tahun ini, insya-Allah. Dalam hal ini, saya berharap semua aktiviti yang boleh dilaksanakan secara SMART, akan dilaksanakan sebegitu cara supaya kita dapat sama-sama bergerak ke arah merealisasikan hasrat besar UniMAP. Saya percaya kita akan berjaya dalam usaha ini jika kita semua sama-sama menyumbang dan konsisten dalam usaha ini.



47. Selain fokus UniMAP terhadap perkembangan teknologi, kita juga perlu memberi tumpuan terhadap pengembangan insan. Dalam proses-proses utama universiti, hal ini perlu diambil berat. Saya bukan bercakap tentang pengembangan bakat yang sudah biasa kita lakukan seperti pengukuhan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif dan sebagainya. Tetapi apa yang saya maksudkan ialah keperluan **pengembangan kemahiran insaniah yang penting dalam menangani perkembangan teknologi**. Pada akhirnya, *humans still need humans*. Kemahiran teknologi boleh dipelajari, tetapi aspek kemanusiaan hanya boleh berlaku melalui pengalaman. Justeru, universiti bertanggungjawab memastikan pengalaman ini dilalui oleh pelajar dan juga staf di UniMAP supaya kita semua akan lebih berdaya tahan dan berdaya saing.
48. Elemen yang pertama ialah kesedaran sosial, yang merujuk kepada kepekaan terhadap isu sosial yang boleh memberi impak kepada masyarakat, dan kemampuan UniMAP untuk bertindak mengikut kesesuaian dan keperluan. Kesedaran sosial boleh dipupuk melalui projek-projek keusahawan sosial. Kepakaran UniMAP boleh digunakan untuk menangani isu-isu yang berkaitan. Kesedaran sosial yang tinggi akan membolehkan UniMAP memainkan peranan sebagai tonggak perubahan persekitaran yang positif.
49. Keduanya ialah norma kesusilaan. Aspek ini penting untuk kita terap dan tegaskan dalam diri kita masing-masing sebagai staf, dan sebagai model untuk para pelajar. Ketinggian intelek perlu disertai dengan ketinggian susila. Dalam era di mana komunikasi bersemuka semakin berkurangan berbanding komunikasi berbantuan teknologi, pemupukan kesusilaan menjadi semakin kritikal. Malah, dalam Rukunegara, kesusilaan adalah salah satu prinsip yang disentuh. Saya harap semua staf memberi penekanan kepada aspek kesusilaan dalam hubungan sesama sendiri, dan juga dengan pelajar serta semua pemegang taruh UniMAP, bukan sahaja untuk mempertahankan ketinggian adab tetapi juga untuk memelihara imej UniMAP.
50. Ketiga ialah fleksibiliti kognitif iaitu kemampuan untuk bertukar-tukar fokus pemikiran atau tugas pada sesuatu masa dalam memastikan sesuatu itu dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Teknologi menjadikan segala-galanya pantas. Kepantasan ini kadang kala boleh memerangkap jika kita tidak mempunyai fleksibiliti kognitif. Ia juga boleh membahayakan terutama apabila melibatkan proses pembuatan keputusan. Kemahiran ini boleh dipupuk dalam tugas harian, dan saya mohon staf faham akan keperluan ini. Dari segi praktikalnya, ia melibatkan *multi-tasking*, *sense of urgency* dan kemampuan untuk menyesuaikan diri kepada sesuatu yang baharu (*adaptability*).

51. Elemen yang seterusnya, yang saya kira amat penting dalam mana-mana organisasi ialah tanggungjawab yang perlu dilaksanakan dengan penuh integriti dan beretika. Isu plagiat, bonceng gratis (seperti yang disebut oleh YBM), penggunaan data tanpa izin, dan penulatan maklumat tidak sah dan sebagainya – semua itu hanya boleh berlaku bila tiada perasaan tanggungjawab terhadap amanah yang diberikan. Laksanakanlah tanggungjawab yang diamanahkan kepada kita sebaik mungkin, dan hormatilah juga tanggungjawab yang diberikan kepada orang lain.
52. Dan akhir sekali, pengurusan insan. Automasi boleh membantu dalam kemahiran analitikal, tetapi aspek kepemimpinan, kecerdasan emosi, proses rundingan dan sebagainya masih memerlukan manusia. Kemampuan UniMAP untuk mendepani permasalahan komuniti dan industri sedikit sebanyak bergantung kepada aspek-aspek manusiawi yang seperti ini. Maka, adalah wajar elemen pengurusan manusia diberi tumpuan dalam perjalanan kita seharian.

Saudara-saudari,

53. Usaha untuk tahun 2019 perlu dilihat dalam konteks besar UniMAP 2025. Ciri-ciri SMART campus dan pemantapan kemanusiaan perlu dijalin dengan inisiatif dalam pelan UniMAP 2025. Saya bayangkan UniMAP begitu dinamik pada tahun 2025, insya-Allah. Universiti ini akan menjadi nadi dan pusat rujukan bagi pembangunan bersama, antara UniMAP- industri - kerajaan dan komuniti, di mana instrumen utama ialah teknologi, dan agennya ialah kita semua.
54. Hasrat yang diimpikan, insya-Allah mampu kita capai dengan usaha daripada semua pihak. Landasan ke arah UniMAP 2025 sudah terbina, dan insya-Allah, kita akan memperkukuhkan lagi usaha tersebut pada tahun ini.
55. Bagi kluster Pengajaran Berpaksakan Inovasi, kita perlu memastikan bahawa UniMAP universiti teknikal pertama yang mendapat taraf swa-akreditasi MQA. Dengan adanya status swa-akreditasi, kos berkaitan dapat diijmatkan. Lebih penting lagi, ia menggambarkan keutuhan sistem jaminan kualiti dalaman universiti, justeru memberi lebih keyakinan umum terhadap UniMAP. Kesemua program kejuruteraan di UniMAP perlu mendapat akreditasi enam tahun. Kita juga akan berusaha untuk memastikan tiada lagi program-program UniMAP dalam senarai 'Bottom 10' tanpa mengurangkan jumlah unjuran.
56. Dari aspek penawaran program, UniMAP perlu menjadi peneraju dalam mengurus perdana program *TVET* dengan memperkenalkan beberapa program akademik berbentuk '*Soft TVET*' dan juga program teknologi. Kita akan menawarkan sekurang-kurangnya tiga program akademik dengan kerjasama industri, serta menawarkan program sedia ada di UniMAP di luar negara dengan menggunakan konsep francais. Sasaran kita pada masa ini ialah menjadikan UniMAP sebagai Universiti Malaysia yang pertama menawarkan program francais di Egypt.

57. Aspek dan usaha pengantarabangsaan akan terus kita beri tumpuan – tidak terhad kepada mendapatkan staf dan pelajar antarabangsa; mahupun menjalankan penyelidikan secara berkolaborasi dengan institusi global. Kita perlu memperkasakan usaha pengantarabangsaan melalui kurikulum yang merujuk kepada aspek rentas-budaya, merancakkkan lagi program mobiliti pelajar dan sebagainya, berlandaskan objektif pertambahan nilai dalam kalangan mereka yang terlibat terutama sekali para pelajar.
58. Aspek SMART dalam aktiviti pembelajaran-pengajaran akan terus diperkasakan, insya-Allah, di mana 100% kursus *blended* yang mematuhi standard KPM akan ditawarkan, sementara bilangan kursus yang mengguna-pakai konsep *blended-learning/MOOC* pada peringkat pusat pengajian serta aktiviti PBL/POPBL akan dipertingkatkan. Aplikasi *Academic Mobile Apps* akan berfungsi sepenuhnya sebagai pusat sehenti untuk segala urusan akademik. Dari segi fasilitasi pembelajaran pula, kita akan mewujudkan makmal *virtual reality* di PPK Mikroelektronik.
59. Bagi kluster Penyelidikan Translational, sebanyak RM2.5 juta telah diperuntukkan untuk UniMAP mendapat sekurang-kurangnya 10 geran sepadan (*matching grant*) bersama industri atau Universiti luar. Pemerolehan geran sepadan akan menguntungkan kedua-dua pihak hasil daripada pelaburan dan sumbangan masing-masing. Kesanggupan UniMAP untuk terlibat dalam pemerolehan dana secara geran sepadan juga memberi gambaran kepada pihak lain akan keseriusan UniMAP untuk terlibat dalam penyelidikan, yang secara tidak langsung, boleh menarik minat lebih banyak industri untuk berkerjasama dengan universiti.
60. Usaha meningkatkan hubungan dengan pihak Industri akan terus dipertingkatkan. UniMAP akan berusaha mewujudkan Makmal Industri – UniMAP atau Makmal UniMAP – Industri di mana UniMAP mensasarkan 1 makmal, 1 pusat pengajian. Kolaborasi penyelidikan yang mantap dengan industri juga akan memastikan bahawa penyelidikan yang dijalankan mestilah ke arah menyelesaikan masalah masyarakat.
61. Selain itu, penyelidikan *inter-disciplinary* UniMAP akan diletakkan di bawah satu entiti iaitu *UniMAP Solutions*. *UniMAP Solutions* akan mempamerkan aktiviti penyelidikan dari tahap reka bentuk sehingga penghasilan produk untuk tujuan pengkomersialan.
62. Dua tahun kebelakangan ini telah membuktikan kepada kita bahawa UniMAP sudah berada pada tahap mampu mewujudkan syarikat *start-up*. Insya-Allah, kita mensasarkan penubuhan sekurang-kurangnya lima buah syarikat *start-up* pada tahun 2019. Pertumbuhan *start-up* juga akan lebih terancang dengan kewujudan inkubator yang berasaskan harta-intelek, yang seterusnya akan menjadi *gateway* kepada projek Chuping Valley.

63. Untuk menyemarakkan lagi aktiviti penyelidikan, sekurang-kurangnya RM500,000 akan disalurkan sebagai geran jangka pendek kepada staf UniMAP. Semua CoE UniMAP akan menjadi *anchor* dan dipusatkan supaya penyelidikan *inter-disciplinary* dapat dipertingkatkan. Inisiatif ini dapat menjerus kepada penubuhan Taman Sains Perlis.

Saudara-saudari,

64. Seperti yang saya sebutkan tadi, tugas universiti bukan sekadar menghasilkan bakat untuk industri dan pasaran kerja. Juga termasuk dalam amanah yang dipertanggungjawabkan kepada kita ialah memastikan kemenjadian bakat yang dapat memanfaatkan kemanusiaan. Dalam soal mendidik para pelajar, semua staf, sama ada staf akademik mahupun staf bukan akademik ada peranan masing-masing.

65. Pemansuhan seksyen 15 (1) (1) AUKU perlu ditangani secara matang dengan ilmu dan bukan emosi, sambil menjunjung tinggi adab ketimuran. Kepekaan semua pelajar dan staf akan implikasi kepada pemansuhan ini perlu disebar luaskan supaya tiada berlaku perkara-perkara yang boleh memincangkan integriti pengajian tinggi.

66. Tahun 2019 ialah tahun di mana pemerksaan para pelajar diberi fokus yang teliti dan terperinci. Saban tahun, keluh-kesah kita dengari dari pihak industri tentang kepincangan aspek nilai dan kemahiran insaniah dalam diri pelajar. Penguksuhan nilai perlu hadir dalam aktiviti pelajar – dari segi kurikulum dan ko-kurikulum – di mana setiap aktiviti dan pengalaman berfungsi sebagai instrumen penguksuhan sistem nilai dalam diri pelajar, sama ada melalui program akademik, mobiliti, keusahawanan, kesukarelawanan, khidmat masyarakat dan sebagainya.

67. Dari segi kebajikan pelajar, UniMAP akan terus berusaha untuk memastikan kebajikan pelajar terjaga dan terpelihara melalui program *We Care We Love* – tiada pelajar di UniMAP yang akan ketinggalan atas sebab kesempitan kewangan. Usaha dalaman seperti *waqf café* dan sebagainya akan diteruskan, dan saya mengajak rakan-rakan staf untuk terus menghulurkan bantuan, sebagaimana yang telah kita jayakan bersama pada tahun 2018. Kita juga akan mengusahakan peningkatan dalam penajaan, biasiswa dan dermasiswa daripada agensi luar yang boleh disalurkan kepada pelajar-pelajar UniMAP yang berkelayakan.

68. Selain pelajar, kita juga akan memperksa alumni sebagai nadi pembangunan universiti pada masa hadapan. Baru-baru ini pada 2 hingga 5 Februari 2019, Persatuan Alumni telah mengadakan lawatan kerja ke *National University Singapore* (NUS) bagi mempelajari tadbir urus Alumni di universiti berkenaan. Seiring dengan itu pihak Alumni telah mengatur strategi bagi mengukuhkan dan bergerak aktif melalui pelbagai pendekatan yang baru seperti memperksakan program *road tour* alumni Industri, melaksanakan USR antarabangsa, wakaf Alumni, Ekspo /Simposium Pascasiswazah, dan Golf Amal UniMAP – Piala Tuanku Canselor.

69. Bangunan baru HEPA yang mula beroperasi sepenuhnya awal Februari 2019 diharap dapat meningkatkan perkhidmatan yang berkualiti dan menyeluruh kepada pelajar di samping menjadi motivasi kepada kakitangan HEPA untuk menawarkan perkhidmatan yang lebih baik. Persekitaran bangunan baru ini boleh digunakan oleh pelajar untuk penganjuran pelbagai program keusahawanan. Kita akan bergerak dengan lebih tersusun dan bersifat mendepani cabaran semasa dalam hasrat membina dinamika pelajar UniMAP supaya mereka lebih berdaya saing.
70. Hasrat kerajaan untuk memberi lebih autonomi kepada pelajar perlu dilihat dari perspektif yang positif. Mahasiswa UniMAP akan didedahkan dengan pelbagai pendekatan baharu supaya idea dan pemikiran mereka berkembang selari dengan tuntutan semasa. Beberapa siri 'Wacana Pengurusan Negara' oleh kepimpinan Negara yang bersifat intelektual akan dilaksanakan untuk memberi penambahan nilai kepada pelajar dalam pelbagai aspek.
71. Hasrat KPM untuk mewujudkan '*Student Union*' sebagai alternatif kepada MPP yang ada sekarang juga akan kita realisasikan, insya-Allah pada Oktober 2019. Beberapa langkah ke arah pembentukan '*Student Union*' itu telah dilaksanakan secara berperingkat. Pelaksanaan '*Student Union*' ini akan menyaksikan mahasiswa kita bergerak selangkah ke hadapan dengan penyertaan dan penglibatan yang lebih meluas dalam proses membuat keputusan terutama dalam aspek aktiviti pelajar serta kawalan kewangan.
72. Beberapa tahun kebelakangan ini, Alhamdulillah, UniMAP berjaya membuktikan bahawa kekurangan dana bukan halangan untuk terus maju ke hadapan, melalui pelbagai inisiatif yang inovatif. Salah satu usaha yang kita akan mulakan tahun ini ialah menubuhkan *Education Business Unit (EBU)* untuk menawarkan program-program akademik UniMAP kepada pasaran luar. Kita mensasarkan peningkatan penawaran program-program akademik yang fleksibel di luar kampus dan 20% daripada penajaan kewangan ialah daripada penawaran program akademik yang ditawarkan bersama pihak luar.
73. Pada masa yang sama, setiap PTJ akan terus mengusahakan penajaan kewangan berdasarkan kepakaran masing-masing. Usaha ini juga akan membantu menjayakan agenda pembelajaran sepanjang hayat. Mulai 2019, kita akan menilai sejauh mana setiap PTJ membelanjakan wang yang dijana sendiri untuk aktiviti masing-masing. Pendek kata, kita tidak akan melihat jumlah wang yang dijana, tetapi berapa banyak wang yang dijana digunakan untuk manfaat PTJ tersebut.

74. UniMAP juga akan menambah baik ekosistem yang menyokong pembangunan keusahawanan pelajar, termasuk menambahbaik dan memperbanyakkan kemudahan pembiayaan awal (*seed funding*) kepada perniagaan baharu ditubuhkan pelajar (*students' start-ups*). Untuk tujuan ini juga, kita akan menjalinkan kerjasama dengan agensi kerajaan, badan korporat dan swasta seperti FAMA, MADA, Institut Keusahawanan Negara, Kementerian Pembangunan Usahawan, Malaysia Digital Economy Corporation, Malaysia Technology Development Corporation, Kulim Technology Park Corporation, SME Corp, Celcom dan sepeertinya. Salah satu projek yang terlibat ialah projek *Aquapreneurs*.

Saudara-saudari warga UniMAP,

75. Sesebuah universiti menjadi terbilang kerana adanya bakat yang cemerlang. Kesemua kita yang bekerja di universiti ini adalah agen dan penerima perubahan. Saya mengajak semua kita bergerak ke arah budaya kerja cemerlang kerana ianya akan mempermudah urusan sesama sendiri tanpa kompromi terhadap kualiti.

76. Insya-Allah menjelang penghujung tahun 2019, semua staf akademik akan diminta untuk menentukan trek kerjaya masing-masing berdasarkan garis panduan yang terpakai untuk tujuan ini. Agenda laluan kerjaya ahli akademik pelbagai-trek ini akan dilaksanakan sepenuhnya bagi tahun penilaian 2020.

77. Sementara itu, set kompetensi yang telah dibangunkan pada tahun 2018 bagi laluan kerjaya staf pengurusan dan profesional juga akan diperkemaskan supaya pelaksanaannya dapat bermula pada tahun ini juga. Pihak Pendaftar perlu memainkan peranan utama dalam hal ini termasuklah dalam hal memastikan pelaksanaan kepelbagaian trek, set kompetensi dan implikasi masing-masing difahami semua.

78. Selari dengan laluan kerjaya yang lebih mantap, perhatian rapi perlu diberi terhadap pengupayaan dan pementapan staf, terutamanya dalam konteks penggunaan teknologi dalam banyak proses universiti, penggunaan data raya, soal keselamatan data dan sebagainya. Pembangunan set kompetensi tiada maknanya jika latihan sewajarnya tidak distrukturkan sebaiknya. Baru-baru ini, dalam Forum Ekonomi Dunia di Davos, Aneel Bushri, Pengasas dan CEO Workday menyebut "*AI technology is in play and companies are going to use it, or else they won't remain competitive. But it's going to create a skills gap. Companies need to be prepared for the massive retraining that lies ahead*". Saya mengambil serius kenyataan ini. Justeru, agenda kecemerlangan bakat perlu memastikan warga UniMAP semuanya diberi latihan yang berkaitan untuk kekal berdaya saing demi kecemerlangan universiti ini.

79. Gabungan pemantapan dan pengukuhan infrastruktur dan infostruktur universiti adalah tonggak teras dalam mengupayakan proses-proses utama universiti. Pendekatan berasaskan teknologi dalam pengurusan projek akan dimantapkan, selari dengan hasrat *Smart Campus*. Agenda kampus lestari dan mesra alam akan diperkasakan tahun ini, untuk meletakkan asas yang kukuh bagi pelaksanaan tahun-tahun mendatang.
80. Insya-Allah, projek bangunan Canselori akan siap untuk dihuni pada tahun ini, dan dengan perpindahan tersebut kita akan menikmati penjimatan dari sewaan bangunan.
81. Dalam aspek pengurusan projek, khususnya, simpanan bekalan air dengan kapasiti 1.5 juta Gelen/hari akan menyelesaikan masalah bekalan air di Kampus Alam, Pauh Putra. Dari segi penggunaan sumber tenaga pula, kita menjangkakan penjimatan daripada penggunaan lampu dua kali ganda daripada tahun sebelum ini. Diskaun tarif C1 OPTR akan terus dinikmati oleh UniMAP, insya-Allah.
82. Kita juga akan menambah baik tadbir urus ICT dan mempertingkatkan perkhidmatan supaya efisien dan efektif. Ini termasuk menyediakan rangkaian komputer dengan kapasiti 100Gbps di Pusat Data dan pusat-pusat pengajian kejuruteraan kampus Pauh.
83. Selain itu, Dasar Lestari akan dibangunkan, sebagai pengukuhan kepada garis panduan lestari yang telah dibangunkan pada tahun 2018.

Saudara-saudari,

84. Tiada perancangan yang tiada cabaran. Tetapi kita perlu positif. Lihat cabaran itu sebagai sesuatu yang menyeronokkan tugas kita seharian dan yang membantu kita meneroka potensi diri dan organisasi. Cabaran utama UniMAP adalah cabaran kewangan. Seperti yang saya sebutkan tadi, kita akan terus melaksanakan inisiatif penjanaan kewangan, usaha penjimatan dan memastikan perbelanjaan dibuat secara berhemah tanpa ada kompromi kepada kualiti program dan perkhidmatan yang diberikan. Tahun ini UniMAP diperuntukkan belanja mengurus sebanyak RM231.3 juta. Untuk projek-projek khas pelaksanaan UniMAP 2025, kita memperuntukkan RM1.5 juta, dan semua ketua kluster telah dimaklumkan akan perincian bajet masing-masing. Saya berharap semua kluster akan bergerak seiringan untuk mencapai objektif Pelan tersebut.
85. Cabaran seterusnya ialah keterbukaan kepada perubahan, dan keperluan untuk berubah. Dalam hal ini, pertimbangan paling utama ialah tujuan penubuhan UniMAP itu sendiri. UniMAP ditubuhkan untuk memenuhi keperluan Pelan Induk Pembangunan Negara melalui penghasilan tenaga kerja dalam bidang tujuhan kita. Kita perlu bersedia untuk melakukan perubahan selari dengan perubahan persekitaran, demi memenuhi tujuan tersebut. Sebagai sebuah universiti awam juga, kita tertakluk kepada apa sahaja perubahan dasar kerajaan. Justeru, kita tidak boleh selesa terutama dalam keadaan ekonomi negara dan global masa kini.

86. Ketiga, adalah keperluan untuk kita semua bergerak ke arah hasrat UniMAP 2025 – “Pembangunan untuk semua” – untuk universiti, untuk industri, untuk komuniti dan untuk kerajaan. Sesungguhnya, dalam memastikan universiti melaksanakan tanggungjawab utamanya dalam pembangunan bakat negara, kita juga harus memastikan bahawa empat komponen utama ini dihubung-jalinkan melalui inisiatif dan program-program yang dilaksanakan. Kita perlu bersama-sama dengan semua pihak yang saya sebutkan supaya UniMAP bukan sahaja kekal relevan, tetapi menjadi salah satu tonggak pembangunan sosio-ekonomi Perlis khususnya, dan negara amnya.

87. Marilah kita semua menggalas tanggungjawab melaksanakan usaha meningkatkan kualiti pendidikan tinggi teknikal sebagai sumbangan utama kepada pembangunan negara. Sumbangan dan kebersamaan kita semua amat penting, seperti yang disebut dalam Surah al-Maidah, ayat ke-2:

“Dan tolong-menolonglah kamu dalam mengerjakan kebajikan dan takwa, dan janganlah kamu tolong-menolong dalam berbuat dosa dan permusuhan. Dan bertakwalah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah itu amat berat siksa-Nya”

88. Dalam pada itu juga, elok juga kita menghayati nilai teras UniMAP, dan bertanya kepada diri sendiri, adakah kehidupan kita seharian di UniMAP berteraskan ILMU, KEIKHLASAN, KECEMERLANGAN?

89. Akhir kata, semoga Allah mempermudah segala urusan kita pada tahun ini, dalam usaha UniMAP **“Mengimbangi Teknologi dan Kemanusiaan”**, ke arah pembangunan bersama.

Terima kasih.



PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) 2025

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (SUKU KE-EMPAT 2018)



Category	(S1) PENGAJARAN BERPAKSIKAN INOVASI	(S2) PENVELIDIKAN TRANSNASIONAL	(S3) SISWAZAH SIAGA-INDUSTRI	(E1) MENCIPTA KEKAYAAN	(E2) MENCEMERA NGKAN BAKAT	(E3) MEMANTAPKAN INFRA-STRUKTUR	(E4) MENGUKUHKAN INFOSTRUKTUR
	53.96 % % PELAKSANAAN SISTEM PENDIDIKAN BERINTEGRASI	4.88 % % MAKMAL INDUSTRI	48.99 % MEMPEROLEH PNKG > 3.00	100.00 % % JARINGAN AMALAN TERBAIK	60.00 % MAKLUM BALAS POSITIF DITERIMA BERKAITAN TADBIR URUS	5.20 % % PENANAMAN POKOK TEHDUAN SEKITAR KAMPUS ALAM FAH PUH PUTRA	5.56 % % SISTEM YANG DIINTEGRASIKAN
	29.29 % % GOT BAGI PELAJAR PHD BERGRADUAT	54.40 % % BERKELAYAN PHD & SETARAF BERBANDING JUMLAH PENGIANTAN PENSYARAH IPTA	44.80 % % ENROLMEN PELAJAR DALAM PROGRAM TVEF DI UNIMAP	17.94 % % PENJANAAN PERBANDING JUMLAH PERBELAJARAN MENURUS	10.83 % % BAKAL PEMIMPIN (TALENT POOL) KLOMPOK BAKAT	5.63 % % PENJIMATAN PENGGUNAAN TENAGA ELEKTRIK DI KAMPUS ALAM FAH PUH PUTRA	1 BILANGAN PT DIIMPLEMENTASIKAN COMMUNICATION
	19.78 % % AHLI AKADEMIK MENDAPATI PENGIANTAN PENINGKAT & PENAWARAN MENDAPATI	19.78 % % PENYARAH ANTARABANGSA	66.21 % % GRADUAN MELAKSANAKAN PEKERJAAN MENJAJAN PENGAJIAN MENINGKATKAN PEMERAN MAOK TAHUN KONSEKSYEN	500 K JUMLAH DANA KEUSAHAWANAN RM 857,258.52	60% % PENGITRIFAN & MAKLUM BALAS POSITIF DITERIMA BERKAITAN TADBIR URUS	2% % PENANAMAN POKOK TEHDUAN SEKITAR KAMPUS ALAM FAH PUH PUTRA	5% % SISTEM YANG DIINTEGRASIKAN
	45% % BERKELAYAN PHD & SETARAF BERBANDING JUMLAH PENGIANTAN PENSYARAH IPTA	30% % ENROLMEN PELAJAR DALAM PROGRAM TVEF DI UNIMAP	80% % GRADUAN MELAKSANAKAN PEKERJAAN MENJAJAN PENGAJIAN MENINGKATKAN PEMERAN MAOK TAHUN KONSEKSYEN	1.5 Mil JUMLAH GERAN NASIONAL & ANTARABANGSA RM 8,043,365.30	10% % PENGITRIFAN & MAKLUM BALAS POSITIF DITERIMA BERKAITAN TADBIR URUS	3% % PENJIMATAN PENGGUNAAN TENAGA ELEKTRIK DI KAMPUS ALAM FAH PUH PUTRA	1 BILANGAN PT DIIMPLEMENTASIKAN COMMUNICATION
	10% % AHLI AKADEMIK MENDAPATI PENGIANTAN PENINGKAT & PENAWARAN MENDAPATI	30% % ENROLMEN PELAJAR DALAM PROGRAM TVEF DI UNIMAP	80% % GRADUAN MELAKSANAKAN PEKERJAAN MENJAJAN PENGAJIAN MENINGKATKAN PEMERAN MAOK TAHUN KONSEKSYEN	5% % JARINGAN AMALAN TERBAIK	60% % PENGITRIFAN & MAKLUM BALAS POSITIF DITERIMA BERKAITAN TADBIR URUS	3% % PENJIMATAN PENGGUNAAN TENAGA ELEKTRIK DI KAMPUS ALAM FAH PUH PUTRA	1 BILANGAN PT DIIMPLEMENTASIKAN COMMUNICATION
	25% % PELAKSANAAN SISTEM PENDIDIKAN BERINTEGRASI	40% % GOT BAGI PELAJAR PHD BERGRADUAT	30% % GRADUAN MEMPEROLEH PNKG > 3.00	5% % JARINGAN AMALAN TERBAIK	60% % PENGITRIFAN & MAKLUM BALAS POSITIF DITERIMA BERKAITAN TADBIR URUS	3% % PENJIMATAN PENGGUNAAN TENAGA ELEKTRIK DI KAMPUS ALAM FAH PUH PUTRA	1 BILANGAN PT DIIMPLEMENTASIKAN COMMUNICATION
	50% Pencapaian 60% Hingga 99.99%	65% Pencapaian 100% Ke Atas	50% Pencapaian 60% Hingga 99.99%	25% Pencapaian 100% Ke Atas	60% Pencapaian 100% Ke Atas	3% Pencapaian 100% Ke Atas	1 Pencapaian 100% Ke Atas
	30%	65%	50%	5%	60%	3%	1
	50%	65%	50%	25%	80%	20%	8
	50%	65%	50%	25%	80%	20%	8
	50%	65%	50%	25%	80%	20%	8
	50%	65%	50%	25%	80%	20%	8

SASARAN FASA 1 :2018

SASARAN 2025

www.unimap.edu.my |     #UniversitiMalaysiaPerlis

ILMU | KEIKHLASAN | KECEMERLANGAN



Universiti Malaysia Perlis
mesin bestari | Perlis

Universiti yang SWA-AKREDITASI

3 Program Berjaya Akreditasi (6 TAHUN)

- Computer Network
- Product Design

16 Akreditasi

Academic Mobile Apps

- Penerimaan RMI 100K

MENYEBUTKAN PROGRAM AKADEMIK

Memperluaskan Sistem Dokumentasi secara Online

- Interactive Learning Room
- PPK Mikroelektronik
- PPK Pembuatan

Peningkatan Penawaran Kursus secara Blended & MOOC

- 756 Kursus Blended
- 11 Kursus MOOC

Perkongsian Keperluan (Akademik & Penyelidikan)


University of Sassari Italy

Perkongsian penggunaan Makmal & Peralatan

UDISS

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU)

Rajamangala University of Technology Srivijaya Thailand, Inha University Korea, Josai International University Japan, Haiyui University Thailand, Aiolone University of Technology, Dongseo University Korea, Thaksin University Thailand, Dir. Mojiun Tanar University Saida Algeria, Darfodi International University, Karabuk University Turkey, Greenhill University Pakistan, Institut Teknologi Medan Indonesia, Universitas Ubuayan Indonesia, Mykolos Romaris University Lithuania, Malaysian Colleges Laguna Philippines



Perkongsian Keperluan (Akademik & Penyelidikan)

Mobiliti staf & pelajar



OS STARS 5 SETARA 2017 EXCELLENT

MOBILITY INBOUND

- 12 Program
- 141 orang pelajar universiti luar negara terlibat

MOBILITI PELAJAR

MOBILITY OUTBOUND

- 31 Program
- 1239 orang pelajar Unimap terlibat

Program RETRACE di Kulim

- MSC mixed-mode & coursework

Kerjasama Industri

- 35 MOU
- 15 GLC & MNC
- 23 MOA
- 10 daripada MNC

Program Flexi Time Kejuruteraan Elektrik

- Kejuruteraan Elektrik
- PPK Sistem Elektrik (Mod Campuran) Separuh Kuasa

Peningkatan Penjasama Kewangan

KURSUS- KURSUS CPD

Kerjasama Institusi

- PSD, REGENT, SPECTRUM, JMTI, Kolej FELORA,



PPK Pembuatan pengiktirafan daripada Institut teknologi Sdn. Bhd.

- PPK Mikroelektronik
- dilantik KPM
- EDA Tools Floating License
- mendapat sokongan penuh MDA & CREST

PENCAPAIAN & AKADEMIK & ANTARABANGSA 2018



PROGRAM PENGAJIAN

- 14 Kejuruteraan Elektrik
- 14 Kejuruteraan Elektronik
- 6 Diploma
- 1 Kejuruteraan Elektrik & Elektronik
- 2 Kejuruteraan Elektrik & Elektronik
- 15 Program Pengiraan & Statistik

STAF AKADEMIK

- 467 FHD
- 1,059 Akademik
- 179 Profesional
- 22 Staf
- 19 Jurutera Profesional

ENROLMEN PELAJAR

- 13,100 ENROLMEN PELAJAR
- 1,187 Istimewa
- 1,276 Substansi
- 9,831 MISC
- 378 MISC
- 338 Pasca Sijil
- 707 PELAJAR ANTARABANGSA
- GE 81%
- Biopengeluaran 48%
- MOU 85%

PENGUJAZAHAN

- 92 FHD
- 169 SARJANA
- 382 DIPLOMA
- 2,980 SARJANA MUDA
- 31 PROGRAM SARJANA MUDA
- 6 PROGRAM DIPLOMA
- 31 PROGRAM PASCA SARJANA (MSc/MBA) - Mod Campuran, Kerja Kursus
- 31 PROGRAM PASCA SARJANA (MSc/PHD) - Mod Penyelidikan
- 34 Bidang




Universiti Lestari Malaysia Insan Berjaya | Perlis

www.unimap.edu.my | #UniversitiMalaysiaPerlis


ILMU | KEIKHLASAN | KECEMERLANGAN

QS STAR RATING



3 STAR (VERY HIGH)
 HI - Index Citation 8.63-4.8%
 Citation per Paper 688-5.8%

PENERBITAN BERIMPAK TINGGI



PENCAPAIAN PENYELIDIKAN & INOVASI 2018




INOVASI


EXPO PENYELIDIKAN



PATENTS



PENGGOMERSILAN IP



HUBUNGAN INDUSTRI



GERAN PENYELIDIKAN



Unimap TOP RESEARCHERS
 Publications > 100

3 syarikat START-UP

KEBOLEHPASARAN GRADUAN

81% Kebolehpasaran (semua korvokasi)

IKOM (The highest GE (94.3%) among engineering schools)

School of Environmental Engineering (The highest GE (94.3%) among engineering schools)

Agriculture System (Eng. Tech.) (The highest GE (100%) Bachelor Degree Programmes)



**Peraturan Kebolehpasaran
Siswazah mengikut sektor**

KERJASAMA INDUSTRI

NICE 3
36 Companies (12 & 23 MNC) hires 3,331 Unimap students for job number

Internal Interview
INTEL Malaysia SEMICONDUCTOR SDN BHD

THE FINALE 2018
(6 Local Companies & 3 MNC) 200 Unimap grad for job number

Gig Economy @ Unimap!
1,000+ students platform were developed

External Interview @ Career Fair
- ITEL KEDAH - VITESS - ST. M. KEDAH - VITESS - VITESS

OS STARS RATING SYSTEM
2019 EXCELLENT

PENCAPAIAN HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI 2018

242 pelajar telah memenangi pelbagai Anugerah Peringkat Antarabangsa & Kebangsaan

PENYELIDIKAN

2 Pemenang Anugerah Khas Ketua Pengarah JPT, sempena Anugerah Tokoh Siswa Kebangsaan 2017



NUR NADIAH 'IZZATI BINTI ZULKIFLI
FAKHRINA HANNANEE BT AHMAD ZAIDI

IYA 2017 - Gold Prize - Standard Mokhtarejawan

ITEX Malaysia - Silver Medal

AMRIS - Double Gold Award - AMRIS 2017 Standard Class E-

ANTARABANGSA



MOHAMAD MAMAD, TERAPI KETIGA KATEGORI PELAJAR ANTARABANGSA DI MALAYSIA



NAB JOHAN & BEST MALE SPEAKER PINGAT TEMAS



NABIM HARAF ASTRAF BIN ISMAIL - Juara Muka Ultra Peringkat Antarabangsa

KESUKARELAWANAN

1,300 Pelajar
27 Program
Indonesia, Thailand & Vietnam

ALUMNI



Prof Dr Ir Fazal Jamilus (Alumni 2006, 1st Batch) Alumni pertama UMAL yang bergelar Profesor

Dr. Mohd Iwan Yusoff (Alumni 2006, 1st Batch) Alumni pertama UMAL yang bergelar Profesor

Puan Ami Nurul Nazifah Abdulhalim (Alumni 2006, 1st Batch) Alumni pertama UMAL yang bergelar Profesor

15 Alumni UMAP bergelar Jurutera Profesional (JP)

10% Alumni merupakan Staf UMAP

25 orang Alumni menandatangani e-REKAM @ UMAP

KEBAJIKAN PELAJAR

844 Pelajar (RM21,000,000)

41 Pelajar (RM21,000,000) Tabung Dedikasi Diri

Waqaf Friendly Cafe

10 buah Café di sekitar kampus UMAP (Perumahan, Kuching, Kuching)

Program Makanan Percuma

550 Pelajar (RM11,000,000) Usahasama Pasaraya C-Mart

Program Sama Rasa 2017



Pengumpulan dana RM15 K dengan graduan (Kolej Keselamatan Alumnus Unimap) untuk membantu program kemasyarakatan

Pelan Strategik Alumni (2017-2020) Anggota di kalangan pelajar Unimap



Anggota di kalangan Alumni Unimap



KAMPUS LESTARI Malaysia Insan Bestari | Perlis

PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

LATIHAN & KOMPETENSI

ANJURAN DALAMAN
26 PROGRAM
890 PESERTA



ANJURAN KERJASAMA PTJ
32 PROGRAM
1870 PESERTA

ANJURAN LUAR
34 PROGRAM
68 PESERTA



PENCAPAIAN & PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA 2018

STAF & FELO
TAMAT PENGAJIAN

STAFF	FELO	2016	2017	2018
8	7	3	0	0
12	11	7	2	2
15	26	7	2	2

GRADUATE ON TIME (GOT)
 FELO

STAF	FELO	2016	2017	2018
1	0	1	0	4
0	0	0	0	0
4	4	4	4	4

NEGARA PENGAJIAN
 GREECE
 UNITED KINGDOM

STAF
1
0
4

OUTBOUND

STAF & FELO
SAMBUNG BELAJAR

JENIS SKIM LAIN-LAIN SKIM	2016	2017	2018
36	11	17	11
42	17	17	11
33	11	11	11

PASCA KEDOKTORAN
 STAF Unimap

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

PERJAWATAN

STAF
2,069

1,059
 Staf Akademik

988
 Staf Bukan Akademik

18
 Staf Akademik

4
 Staf Bukan Akademik

WARGANEGARA

BUKAN WARGANEGARA

93 KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL - AKADEMIK
15 KUMPULAN PELAKSANA
18 KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL - BUKAN AKADEMIK
18 KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL - BUKAN AKADEMIK

KENAIKAN PANGKAT

LANTIKAN TETAP

36 KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL - AKADEMIK
2 KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL - BUKAN AKADEMIK

PERKHIDMATAN

STAF MENINGGAL DUNIA
4

STAF BERSARA
3

WAJIB
2



